

27 MAR 2003

Sukan-Bot Laju (Anugerah)/I (Bergambar)

MALAYSIA MENANG ANUGERAH PENGANJUR TERBAIK MUSIM 2002

Oleh: Asan Ahmad

LAUSANNE, 27 Mac (Bernama) -- Malaysia memenangi Anugerah Penganjur Terbaik Perlumbaan Bot Laju Formula 1 Dunia siri 2002 buat kali kedua berturut-turut selepas meraih anugerah yang sama bagi siri 2001 tahun lepas.

Anugerah itu disampaikan oleh Promoter Antarabangsa Union Internationale Motoonautique (UIM) Nicolo Di San Germano pada majlis makan malam "Anugerah Kecemerlangan Bagi Musim 2002" di Mines de Sel de Bex di sini, malam tadi.

Anugerah itu diterima oleh Pengarah Urusan H20 Sports Sdn Bhd Datuk Yahya A. Jalil sebagai promoter dan penganjur perlumbaan bot laju Grand Prix Malaysia.

Turut menghadiri majlis itu ialah setiausaha UIM Regine Vanderkerhove.

Malaysia merangkul anugerah itu selepas memenangi kesemua enam kategori iaitu berdasarkan suasana kemeriahan dan jamuan, bilik media, hotel dan penginapan, hiburan atas air serta sokongan kerajaan.

Setiap kategori membawa maksimum tiga mata dan pengadilannya dibuat oleh panel hakim terdiri wakil-wakil dari UIM, promoter antarabangsa IDEA Marketing, anggota-anggota pasukan dan media antarabangsa.

Penganugerahan itu merupakan satu kebanggaan buat Malaysia yang menjadi penganjur perlumbaan itu untuk musim kedua tahun lepas.

Malaysia menganjur perlumbaan itu buat kali pertama pada 2001 dengan Johor Bahru dipilih sebagai gelanggang perlumbaan dan selepas musim itu, Malaysia dipilih sebagai penganjur terbaik.

"Anugerah ini adalah atas kerja keras dan komitmen pasukan penganjur yang memastikan acara itu diadakan dalam suasana yang tinggi nilainya," kata Yahya.

Selain itu, katanya sokongan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta peranan kerajaan Malaysia memberi galakan, sokongan dan motivasi membolehkan H20 Sports Sdn Bhd mencapai kejayaan menganjurkan perlumbaan itu.

"Saya ingin berterima kasih kepada Perdana Menteri dan kerajaan Malaysia kerana sokongan yang diberikan kepada kita dalam mengadakan perlumbaan itu.

"Dr Mahathir memainkan peranan penting dalam visi dan tanggungjawab beliau membawa acara sukan air terunggul dunia itu ke negara kita tiga tahun lepas," katanya.

Yahya berkata kejayaan itu bukan sahaja membawa pengiktirafan kepada H20 Sports tetapi kepada semua rakyat Malaysia khususnya Mines Resort City yang menawarkan gelanggang perlumbaan, penaja utama Kumpulan Sapura serta penaja-penaja bersama.

Ditanya bagaimana mengekalkan rekod kejayaan itu, Yahya berkata untuk musim 2003 dan tahun-tahun seterusnya, H20 Sports beriltizam untuk membaiki beberapa bidang yang dikenal pasti seperti program promosi, infrastruktur, penglibatan peserta dan orang ramai serta mempromosikan Kuala Lumpur sebagai destinasi pelancongan sukan.

Yahya berkata lebih setengah juta penonton di seluruh dunia menyaksikan pusingan Malaysia bagi kejohanan itu menerusi televisyen sama ada secara langsung atau siaran tertunda.

Perlumbaan GP Malaysia musim 2002 diadakan di Mines Resort City dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Semasa acara perlumbaan berlangsung, Pesta dan Karnival Mines turut diadakan.

Bagi musim 2003, dua buah gelanggang baru akan diperkenalkan iaitu Sentosa di Singapura dan Sunset Beach di Arab Saudi.

Perlumbaan GP Malaysia merupakan pusingan ketujuh daripada 11 pusingan kejohanan dunia dan dijadual diadakan di Mines Resort City pada 4 and 5 Okt ini.

Sementara itu, pengerusi H2O Sports Tengku Sulaiman Shah dalam kenyataannya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Persekutuan atas sokongan penganjuran perlumbaan itu yang disiarkan ke 82 buah negara.

"Dengan kehadiran pelancong asing dan pelaburan, saya ingin menggesa kerajaan negeri Selangor mengambil kesempatan acara perlumbaan dunia ini di kawasan mereka dengan menghulur sokongan bagi acara tahun ini kerana ia membawa manfaat langsung kepada negeri itu," kata Sulaiman.

-- BERNAMA

AHA DC NAK